

Ceramah Pas bukti mainan pembangkang

Um - 24/1/2007

RAUB 23 Jan. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kehadiran beberapa pemimpin Pas berce-ramah di Batu Talam malam tadi mengesahkan tindakan parti itu memulau pilihan raya kecil kawasan tersebut sebagai permain politik pembangkang semata-mata.

Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, BN mengesahkan jika benar Pas atau pembangkang tidak mahu mengambil bahagian dalam kempen pilihan raya kecil ini seperti dinyatakan, mereka sepatutnya memboikot dalam erti kata yang sebenarnya.

Sebaliknya, kata beliau, Pas mengadakan ceramah dan cuba menggesa serta mempengaruhi rakyat untuk tidak keluar mengundi dengan harapan dapat mengurangkan majoriti undi kepada BN.

"Janganlah kata boikot tetapi selepas itu buat ceramah dan cuba mempengaruhi rakyat dan kalau mereka berani sepatutnya letak calon lawan BN," kata Najib kepada pemberita selepas majlis beramah mesra bersama rakyat di Kampung Jeram Besu dekat sini, hari ini.

Turut hadir ialah calon BN, Abd. Aziz Mat Kiram dan wakil Kelab Penyokong BN, Datuk Sabri Ismail Yaakob yang juga Ahli Parlimen Bera.

Timbalan Perdana Menteri mengulas mengenai parti Pas yang mengadakan majlis ceramah di markasnya di Kampung

Durian Sebatang di sini, malam tadi.

• Bagi Najib, terserah kepada Pas untuk tidak meletakkan calonnya pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) itu.

"Tapi janganlah pada masa yang sama buat pula kempen dan menunjukkan sebenarnya mereka tidak mahu mengambil bahagian ini, tetapi mereka memainkan peranan untuk mengurangkan majoriti undi BN," katanya.

Najib menyifatkan tindakan Pas berkempen adalah supaya mereka boleh menggunakan keputusan pilihan raya kecil ini sebagai satu isu untuk menempelak BN.

Ditanya adakah salah sekiranya Pas membantu calon bebas dengan menggunakan lambangnya, beliau berkata, mengikut undang-undang pilihan raya, parti lain yang tidak bertanding tidak boleh mempamerkan lambang mereka.

Sementara itu Najib berkata, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak perlu menangguhkan pilihan raya kecil Ahad ini kerana keadaan banjir semakin pulih selain ia tidak menyeluruh.

Ekoran itu, katanya, ia dijangka tidak akan menjejaskan proses pilihan raya kecil tersebut.

"Saya berharap SPR tidak menangguhkan pilihan raya kecil Batu Talam kerana saya tengok hari ini air dah banyak surut dan

cuaca pula dah mula terang," katanya yang juga Pengerusi Bencana Alam Negara.

Banjir melanda beberapa tempat di sepanjang persisiran

Sungai Lipis di Batu Talam dua hari lalu dan semalam serta menenggelamkan beberapa buah rumah di kawasan rendah.

Kata Najib, sebenarnya pe-

ngundi di kawasan terbabit yang berpindah akibat banjir boleh membuang undi di pusat pembuangan undi di tempat masing-masing.